

## TAHAP KEFAHAMAN PENGGUNA TERHADAP PENSIJILAN HALAL PRODUK MAKANAN RINGAN DI KEDAI SERBANEKA ECO

**The User's Understanding Level of Halal Certification for Snack Foods at Eco Convenience Stores**

**ALFI NAJMI BIN MOHAMMAD ROSLI**

Universiti Selangor

[alfnajmi007@gmail.com](mailto:alfnajmi007@gmail.com)

**NURUTTHOILAH BINTI MOHD NABIL**

Universiti Selangor

[ntthoilah@unisel.edu.my](mailto:ntthoilah@unisel.edu.my)

**HIDAYATUL SAKINAH ZULKIFLI**

Universiti Selangor

[hidayatul@unisel.edu.my](mailto:hidayatul@unisel.edu.my)

**NURUL HUSNA ROSLAN**

Universiti Selangor

[nurulhusna@unisel.edu.my](mailto:nurulhusna@unisel.edu.my)

### Abstrak

Logo halal merupakan simbol yang menunjukkan sesuatu produk atau perkhidmatan menepati piawaian halal yang sah mengikut prinsip agama Islam. Antara kesukaran yang dihadapi oleh industri halal Malaysia adalah masalah penggunaan logo halal oleh pengguna dan tahap kebergantungan masyarakat yang tinggi terhadap logo halal, menyebabkan sensitiviti dan pemahaman tentang isu logo halal. Keterjaminan pengguna muslim terhadap status logo halal produk masih pada tahap kurang memuaskan disebabkan logo palsu, barang tiruan masih banyak diedarkan di pasaran. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pensijilan halal yang digunakan di Kedai Serbaneka Eco, mengkaji kepentingan pensijilan halal serta mengenalpasti tahap kefahaman pengguna terhadap pensijilan halal makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan (mixed-method) kualitatif dan kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen pensijilan halal makanan ringan Kedai Serbaneka Eco manakala kuantitatif pula, pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif dengan mengedarkan borang soal selidik melalui Google Forms untuk mendapatkan data kajian daripada 346 responden. Kemudian data tersebut dikumpul melalui aplikasi IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29.0 dalam bentuk deskriptif. Kepentingan penemuan kajian ini adalah sebagai panduan kepada pihak berkepentingan dalam usaha mendidik pengguna tentang pentingnya pensijilan halal bagi makanan ringan.

**Kata Kunci:** Logo Halal, Kefahaman Pengguna, Pelajar ISMPIS, Makanan Ringan, Kedai Serbaneka Eco.

## **Abstract**

The halal logo is a symbol indicating that a product or service complies with halal standards according to Islamic principles. One of the challenges faced by the Malaysian halal industry is the misuse of the halal logo by traders and the high reliance of the community on the halal logo, which affects the sensitivity and understanding of halal logo issues. The assurance of Muslim consumers regarding the halal status of products is still unsatisfactory due to fake logos items are still widely distributed in the market. Therefore, the objective of this study is to analyse the type of halal certification used, examine the importance of halal certification, and identify the level of understanding of users regarding halal certification of snack foods at Eco Shop. This study uses a mixed-method approach, both qualitative and quantitative for qualitative methods, the researcher utilized document analysis of halal certification for snacks at Eco Convenience Store, while for quantitative methods, the researcher employed descriptive analysis by distributing a questionnaire through Google Forms to gather research data from 346 respondents. The data was then collected using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29.0 in a descriptive format. The importance of this study's findings lies in serving as a guide for stakeholders in efforts to educate users on the significance of halal certification for snack foods.

**Keywords:** *Halal Logo, Consumer Understanding, ISMPIS Students, Snack Foods, Eco Shop.*

## PENGENALAN

Logo halal didefinisikan sebagai simbol yang menunjukkan sesuatu produk atau perkhidmatan menepati piawaian halal, mengikut prinsip agama Islam. Makanan halal bukan sahaja datangnya dari unsur yang halal sahaja, bahkan merangkumi bagaimana kita mencari punca rezeki melalui sumber yang halal, (Nornazlina Mohd Nor & Zulkarnain Hassan, 2022). Konsep logo halal biasanya merangkumi beberapa elemen utama yang direka untuk menyampaikan kebolehpercayaan, kebersihan dan kepatuhan kepada prinsip halal.

Berdasarkan populasi Muslim masa kini, beranggaran mencecah sehingga 30 peratus penduduk di serata dunia. Keadaan tersebut mempunyai kesinambungan keatas produk halal yang berkemungkinan kian bertambah sehingga 20 peratus setiap tahun (Karoui & Khemakhem, 2019). Pada awalnya logo halal ini tidak diendahkan dan dipandang sepi oleh masyarakat, akan tetapi, pada masa kini logo halal amatlah dititikberatkan di dalam syarikat-syarikat negara Malaysia sendiri sehingga mendapat tumpuan dari negara luar seperti negara Jepun dan Korea atas sebab faktor ekonomi. Ketiadaan logo halal JAKIM pada makanan atau produk lain yang dijual akan membuatkan para pengguna merasa tidak selamat untuk membeli produk yang ditawarkan, lebih-lebih lagi produk yang sememangnya tiada penglabelan logo halal, yang mana amatlah penting bagi Masyarakat Islam untuk membeli produk atau barang yang mempunyai logo halal diiktiraf JAKIM.

Berkenaan dengan masalah yang sering dihadapi di Malaysia ialah berkaitan dengan pensijilan halal dan logo halal. Di negara Malaysia sememangnya terdapat undang-undang, piawaian halal serta garis panduan berkaitan pensijilan halal, akan tetapi masih terdapat masalah terhadap pengguna dalam menentukan produk yang dibelinya adalah sepenuhnya halal. Hal ini kerana, kebergantungan Masyarakat Muslim terhadap produk yang mempunyai sijil halal yang diiktiraf oleh pihak berkuasa semata, (Muhammad et al., 2019). SPHM atau Sijil Pengesahan Islam Malaysia menjadi pamacu utama dunia apabila negara luar telah menjadikan Standard Halal Malaysia (SHM) sebagai panduan dalam aspek piawaian halal (Najihah Hanisah Marmaya et al., 2019).

Kewujudan logo halal yang telah mendapatkan kelulusan JAKIM termasuk produk makanan dan minuman akan meningkatkan jaminan pembeli untuk membeli produk dari premis yang menjualnya (Nornazlina Mohd Nor & Zulkarnain Hassan, 2022). Eksekutif halal atau pihak atasan syarikat yang berkenaan sewajarnya memohon dan mendapatkan kelulusan pensijilan halal produk atau makanan yang hendak dipasarkan supaya dapat menawan hati pengguna serta kepercayaan yang penuh dari mereka untuk membeli produk yang dipasarkan.

### ***Pernyataan Masalah***

Terdapat pelbagai produk makanan yang dikeluarkan oleh pengeluar atau pengilang yang mempunyai pelbagai rasa, warna dan bentuk yang menjadi tarikan kepada pengguna dalam masyarakat di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat cabaran bagi masyarakat Muslim dalam memasarkan produk mereka adalah, memerlukan penekanan pada aspek halal dan haram dalam produk yang dijual di pasaran, (Mohamad Noor & Mohamed Elias, 2017). Barang import yang telah mempunyai kelulusan JAKIM tidak semestinya mempunyai logo halal. Hal ini kerana sesetengah badan pensijilan antarabangsa tidak mempunyai logo halal mereka sendiri (JAKIM, 2019). Rentetan kesukaran yang dihadapi oleh industri halal Malaysia adalah masalah penggunaan logo halal oleh peniaga dan tahap kefahaman masyarakat yang rendah terhadap logo halal menyebabkan sensitiviti dan pemahaman tentang isu logo halal mula dibincangkan. Perkara ini mengundang kepada penyalahgunaan atau penyalahartian terhadap logo halal serta boleh menimbulkan kekeliruan atau keraguan, sekaligus mempengaruhi

keyakinan pengguna dalam memilih produk. (Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd. Rahman 2019).

Selain daripada itu, masalah yang sering berlaku terhadap pengguna Muslim dalam membeli barang produk halal iaitu terdapat peniaga tidak bertanggungjawab yang masih menggunakan logo halal palsu dalam memasarkan produk mereka demi meraih keuntungan sahaja tanpa memikirkan kesan sebaliknya (Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid, 2015). Sebagaimana isu yang pernah berlaku sebelum ini, serbuan terhadap kedai serbaneka kerana menjual produk yang mempunyai logo halal yang tidak diiktiraf JAKIM. Pihak berkuasa negeri Pahang telah mengambil tindakan dan merampas kesemua coklat import tersebut. Hal ini akan mengurangkan tahap kepercayaan pengguna untuk membeli produk di kedai runcit atau serbaneka yang lain (Sinar Harian, 7 September 2023).

Hal ini kerana terdapat risiko apabila termakan daging khinzir yang boleh menyebabkan penyakit Trichinosis. Di samping itu, isu lain seperti produk biskut bijiran yang mengandungi campuran bahan terlarang seperti daging khinzir telah tular di media sosial dan diambil tindakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Mohd Jamilul Anbia Md Denin, 2020). Tambahan pula, isu penemuan DNA khinzir pada kuih bulan yang mempunyai logo halal yang diiktiraf juga telah ditangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam Sabah (Suraidah Roslan, 2021). Oleh itu, sebagai pengeluar atau pengguna, perlu memandang serius isu penggunaan logo halal yang benar serta diiktiraf dari pelbagai aspek, terutamanya dalam produk makanan ringan.


### ***Objektif Kajian***

1. Menganalisa pensijilan halal yang digunakan terhadap produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco.
2. Mengkaji kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan terhadap pengguna di Kedai Serbaneka Eco.
3. Mengenalpasti tahap kefahaman pengguna berkaitan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif memainkan peranan penting dalam memahami kesan program dan dasar sosial (Patton, 2020). Beliau juga menegaskan bahawa pendekatan ini membolehkan penilaian yang lebih holistik dan komprehensif terhadap keberkesanan sesuatu program atau dasar. Manakala kaedah kuantitatif merupakan salah satu pendekatan yang bersifat angka (Mohd Zuhairil Ikmal Saidi, 2019). Populasi untuk kajian ini adalah penduduk Bestari Jaya, di mana jumlah populasi penduduk adalah seramai 15,000 penduduk dan bilangan responden yang terlibat adalah seramai 346 responden. Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data bagi kaedah kuantitatif iaitu melalui borang soal selidik yang diberikan kepada responden melalui Google Forms. Pada tahun 2023, platform dalam talian seperti Google Forms semakin banyak digunakan untuk memudahkan pengumpulan data (Muhammad Hafiz et al., 2023). Tinjauan ini telah disesuaikan dengan objektif penyelidikan. Penekanan diberikan kepada kejelasan dan kebolehcapaian bahasa untuk memastikan soalan mudah difahami oleh responden. Kemudian data itu dikumpul melalui aplikasi IBM *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 29.0 dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Manakala bagi

kaedah kualitatif, pengkaji mendapatkan sampel kajian melalui analisis dokumen pensijilan halal makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual**  
Sumber: Nornazlina Mohd Nor (2022)

Mengikut kepada kerangka kajian yang telah diadaptasikan daripada kajian yang dilakukan oleh Nornazlina Mohd Nor & Zulkurnain Hassan (2022), kerangka kajian ini didasari oleh objektif kajian iaitu pensijilan halal yang digunakan terhadap produk makanan ringan, kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan terhadap pengguna dan kefahaman pengguna berkaitan pensijilan halal produk makanan ringan. Komposisi makanan merupakan elemen yang digunakan oleh pengkaji untuk dikaitkan dengan kepentingan pensijilan halal makanan ringan. Ini kerana, proses untuk mendapatkan pensijilan halal perlulah produk tersebut mempunyai ramuan serta bahan yang halal sahaja. Manakala bagi kefahaman pengguna pula, memerlukan kesedaran halal dari pengguna untuk mencapai tahap kefahaman.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### *Dapatan Analisis Data*

Di dalam bab ini, pengkaji telah mendapatkan dapatan kajian yang merangkumi setiap objektif kajian. Didahulukan dengan dapatan bagi objektif pertama iaitu menganalisa pensijilan halal yang digunakan terhadap produk makanan ringan, di Kedai Serbaneka Eco. Seterusnya analisis maklumat demografi responden, penentuan tahap dan dapatan bagi objektif kedua iaitu mengkaji kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan terhadap pengguna di Kedai Serbaneka Eco dan yang terakhir, dapatan bagi objektif kajian ketiga iaitu mengenalpasti tahap kefahaman pengguna berkaitan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco.

### ***Menganalisa Pensijilan Halal yang Digunakan Terhadap Produk Makanan Ringan di Kedai Serbaneka Eco***

Berdasarkan analisis dokumen yang telah dibuat melalui pemerhatian yang dilakukan di Kedai Serbaneka Eco di Bestari Jaya, memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai status pensijilan halal pelbagai produk makanan ringan yang dipasarkan di kedai serbaneka Eco.

Terdapat pelbagai status logo halal daripada beberapa negara yang berbeza, termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, dan China. Produk seperti *Mister Potato* dan *Nori Crispy Seaweed* dengan jelas membawa pensijilan halal dari Malaysia, yang menunjukkan komitmen pengeluar dalam memenuhi keperluan pengguna Muslim tempatan. Produk lain, seperti *Nabati* dan *Kokomo Choco Feeling Cookies*, telah mendapatkan pensijilan halal daripada badan berkuasa di Indonesia, yang terkenal dengan populasi Muslim terbesar di dunia dan pensijilan halal yang dipercayai. Selain itu, *Konjac Jelly by Delices* pula disahkan halal oleh pihak berautoriti dari Thailand, manakala produk lain seperti *Macaron Feeling Biscuit* turut disenaraikan dengan status halal yang diiktiraf.

Namun begitu, melalui pemerhatian ini juga menunjukkan terdapat beberapa produk yang status halalnya tidak jelas atau tidak dilengkapi dengan logo halal yang diiktiraf. Sebagai contoh, produk seperti *Preserved Food* dan *Bulk Gummy* tidak memiliki sebarang pensijilan halal yang dipaparkan dalam jadual. Ini menimbulkan persoalan mengenai sumber ramuan dan proses pembuatan produk tersebut, sekali gus boleh menjelaskan keyakinan pengguna Muslim. Tambahan lagi, produk seperti *Sobou Mi* yang mungkin berasal dari China memperlihatkan cabaran dalam memastikan pensijilan halal di negara yang memiliki minoriti Muslim, di mana badan pensijilan halal mungkin kurang dikenali di peringkat antarabangsa. Perkara ini boleh mencetuskan kekeliruan kepada pengguna, terutamanya apabila logo halal yang dipaparkan berbeza daripada apa yang biasa mereka kenali.

Analisis mendalam terhadap pemerhatian ini juga mendedahkan isu penting berkaitan dengan keperluan penyelaras standard pensijilan halal di peringkat antarabangsa. Pelbagai logo halal dari negara yang berlainan menunjukkan bahawa tiada satu standard yang universal yang dapat memenuhi keperluan semua pasaran. Hal ini boleh membawa cabaran besar, terutamanya dalam konteks globalisasi di mana produk dari pelbagai negara diedarkan di seluruh dunia. Contohnya, pengguna Muslim mungkin lebih mempercayai logo halal Malaysia, JAKIM, berbanding logo halal dari negara lain kerana persepsi bahawa pensijilan Malaysia lebih ketat. Ini menunjukkan perlunya kerjasama antara negara-negara pengeluar dalam menetapkan standard yang konsisten untuk memastikan produk mereka diterima secara meluas tanpa keraguan.

Tambahan pula, ketiadaan logo halal untuk produk tertentu seperti *Bulk Gummy* dan *Preserved Food* menimbulkan kebimbangan yang lebih besar. Pengeluar produk-produk ini perlu menyedari bahawa ketiadaan pensijilan halal bukan sahaja boleh menjelaskan jualan mereka dalam pasaran yang didominasi oleh pengguna Muslim, tetapi juga boleh menjelaskan imej jenama mereka. Dalam situasi di mana pengguna semakin peka terhadap isu-isu kepatuhan halal, pengeluar perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan produk mereka diperakui oleh badan berautoriti, sekaligus meningkatkan keyakinan pengguna.

Kesimpulannya, melalui analisis dokumen yang dilakukan secara pemerhatian ini memberikan pandangan penting tentang bagaimana status pensijilan halal berbeza-beza berdasarkan negara pengeluar produk. Ia juga menggariskan cabaran dalam memastikan kepercayaan pengguna terhadap logo halal dari negara-negara yang berbeza. Dengan mengambil kira kepelbagaian pengguna dan keperluan mereka, penting untuk industri makanan ringan memperbaiki ketelusan dalam pensijilan halal dan meningkatkan usaha untuk mendapatkan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Akhirnya, kajian seterusnya amatlah diperlukan untuk memperincikan pensijilan halal yang digunakan oleh Kedai Serbaneka Eco. Hal ini kerana, kajian berikut merupakan pendidikan awal bagi merungkai pensijilan halal produk yang digunakan di Kedai Serbaneka Eco.

## **Analisis Maklumat Demografi Responden**

**Jadual 2:** Demografi Responden

<b>Profil</b>	<b>Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	185	53.5
	Perempuan	161	46.5
Umur	13-17 tahun	8	2.3
	18-25 tahun	217	62.7
	26-35 tahun	32	9.2
	36-45 tahun	24	6.9
	46 dan keatas	65	18.8
Golongan	Remaja	68	19.7
	Belia	150	43.4
	Ibubapa	128	37.0

Jadual diatas menunjukkan data demografi responden berkaitan jantina, umur dan golongan. Menurut jantina, kajian ini melibatkan 346 responden. Ianya terdiri daripada 185 (53.5%) responden lelaki dan 161 (46.5%) responden perempuan. Ini menunjukkan responden lelaki lebih tinggi berbanding perempuan. Seterusnya menurut umur pula, menunjukkan majoriti daripada responden kajian ini berumur 18-25 tahun iaitu seramai 217 responden mewakili peratusan sebanyak 62.7%. Diikuti dengan 46 tahun keatas seramai 65 orang dengan peratusan 18.8%. Seterusnya 32 responden berumur 26-35 tahun dengan peratusan 9.2%. Diikuti 24 responden yang berumur 36-45 tahun dengan peratusan 6.9% dan kumpulan umur yang terakhir, 13-17 tahun iaitu hanya 8 responden dengan peratusan 2.3%.

Yang terakhir, menurut golongan pula menunjukkan, data demografi berkaitan golongan responden. Golongan belia mewakili seramai 150 orang dengan peratusan 43.4%. Seterusnya diikuti dengan golongan ibubapa yang mewakili seramai 128 orang dengan peratusan 37%, dan terakhir golongan remaja yang mewakili seramai 68 orang dengan peratusan 19.7%. Secara keseluruhan, golongan belia menunjukkan peratusan yang tertinggi berbanding yang lain.

### **Penentuan Tahap**

**Jadual 3:** Nurutthoileh et al. (2018)

<b>Skor Min</b>	<b>Ukuran Tahap</b>
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21– 5.00	Sangat Tinggi

Penentuan min di atas adalah untuk menentukan tahap interpretasi kefahaman tahap pengguna terhadap pensijilan halal produk makanan ringan di kedai Serbaneka Eco. Bahagian ini membincangkan dapatan statistik deskriptif tentang kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan terhadap pengguna di Kedai Serbaneka Eco.

**Jadual 3:** Kepentingan Pensijilan Halal

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Interpretasi</b>
1.	Saya sentiasa mengetahui logo halal itu penting pada bungkusan produk makanan ringan	4.92	0.300	Sangat Tinggi

2.	Saya sentiasa menjadikan logo halal sebagai pertimbangan saya dalam membeli produk makanan ringan	4.89	0.400	Sangat Tinggi
3.	Saya sentiasa memilih produk berdasarkan ada atau tidaknya logo halal	4.77	0.645	Sangat Tinggi
4.	Saya sentiasa berhati-hati ketika memilih produk yang mempunyai logo halal	4.76	0.619	Sangat Tinggi
5.	Saya akan tetap membeli produk yang berlogo halal dari negara lain	4.04	0.851	Tinggi
6.	Saya akan mengambil tahu tentang institusi yang mengeluarkan logo halal	4.39	0.784	Sangat Tinggi
7.	Saya akan memilih produk makanan yang berlogo halal daripada produk yang tidak mempunyai logo halal	4.66	0.911	Sangat Tinggi
8.	Saya akan memilih produk yang mempunyai logo halal JAKIM berbanding logo halal lainnya	4.66	0.723	Sangat Tinggi
9.	Saya tahu membezakan logo halal JAKIM yang tulen dan palsu	3.94	0.845	Tinggi
10.	Saya tahu bahawa logo halal JAKIM merupakan logo yang paling boleh dipercayai	4.91	0.320	Sangat Tinggi
11.	Saya yakin dan berasa selamat apabila menggunakan produk yang berlogo halal	4.91	0.277	Sangat Tinggi
12.	Saya yakin produk yang mempunyai logo halal tidak mempunyai kekotoran dan Najis	4.29	0.756	Sangat Tinggi
13.	Saya yakin produk yang mengandungi logo halal adalah berkualiti	4.71	0.532	Sangat Tinggi
14.	Saya yakin produk yang mengandungi logo halal adalah selamat untuk digunakan	4.78	0.446	Sangat Tinggi
15.	Saya yakin bahawa pentingnya mengenali jenis-jenis logo halal yang sah	4.88	0.346	Sangat Tinggi
Skor Purata		4.63	0.283	Sangat Tinggi

Berdasarkan jadual di atas min tertinggi pada kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco adalah pada item yang pertama iaitu "Saya sentiasa mengetahui logo halal itu penting pada bungkusan produk makanan ringan" dengan min sebanyak 4.92 dengan sisihan piawai 0.300. Bagi min terendah pula adalah pada item yang ke-9 iaitu "Saya tahu membezakan logo halal JAKIM yang tulen dan palsu" dengan min 3.94 dan sisihan piawai 0.845. Dari pada dapatan yang diperoleh keseluruhan tentang kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco adalah kesemuanya menunjukkan interpretasi yang tinggi iaitu dengan jumlah min sebanyak 4.63 dan sisihan piawai 0.283. Oleh hal yang demikian, dari dapatan tersebut dapat dilihat bahawa pengguna Kedai Serbaneka Eco di Bestari Jaya berpengetahuan tinggi terhadap pensijilan halal produk makanan ringan.

#### **Analisis Tentang Komposisi Makanan**

Bahagian ini membincangkan dapatan statistik deskriptif tentang komposisi makanan.

**Jadual 4: Komposisi Makanan**

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
23.	Saya memahami maksud halal iaitu bersih,suci selamat dan kualiti	4.69	0.553	Sangat Tinggi
24.	Saya memahami ciri-ciri makanan yang halal	4.63	0.594	Sangat Tinggi
25.	Saya memahami setiap makanan mestilah mengandungi bahan yang halal sahaja	4.87	0.350	Sangat Tinggi

26.	Saya mengetahui masih ramai yang tidak mengendahkan tentang ramuan yang digunakan dalam makanan ringan	4.29	0.937	Sangat Tinggi
27.	Saya mengetahui halal merupakan perkara penting dalam syariat Islam	4.78	0.563	Sangat Tinggi
28.	Saya mengetahui proses pengeluaran barang yang halal merupakan peraturan Islam	4.82	0.474	Sangat Tinggi
29.	Saya mengetahui aspek halalan tayyiban	4.82	0.474	Sangat Tinggi
	Skor Purata	4.69	0.425	Sangat Tinggi

Jadual di atas menunjukkan skor min pada setiap item tentang komposisi makanan. Berdasarkan jadual di atas, min tertinggi bagi komposisi makanan adalah pada item yang ke-25 iaitu “Saya memahami setiap makanan mestilah mengandungi bahan yang halal sahaja” dengan min sebanyak 4.87 dan sisihan piawai 0.350. Bagi min terendah pula adalah pada item yang ke-26 iaitu “Saya mengetahui masih ramai yang tidak mengendahkan tentang ramuan yang digunakan dalam makanan ringan” dengan min hanya 4.29 dan sisihan piawai 0.937. Walaupun item ke-26 merupakan min yang terendah, akan tetapi masih menunjukkan interpretasi yang tinggi. Dari dapatan yang diperoleh, analisis tentang komposisi makanan keseluruhannya pada tahap interpretasi yang tinggi dengan jumlah skor purata 4.69 dan sisihan piawai 0.425.

Bahagian ini membincangkan dapatan statistik deskriptif tentang tahap kefahaman pengguna berkaitan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco.

**Jadual 5:** Tahap Kefahaman Pengguna

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
16.	Saya memahami maksud halal iaitu bersih,suci selamat dan kualiti	4.84	0.431	Sangat Tinggi
17.	Saya memahami ciri-ciri makanan yang halal	4.80	0.506	Sangat Tinggi
18.	Saya memahami setiap makanan mestilah mengandungi bahan yang halal sahaja	4.81	0.542	Sangat Tinggi
19.	Saya mengetahui masih ramai yang tidak mengendahkan tentang ramuan yang digunakan dalam makanan ringan	4.59	0.662	Sangat Tinggi
20.	Saya mengetahui halal merupakan perkara penting dalam syariat Islam	4.92	0.299	Sangat Tinggi
21.	Saya mengetahui proses pengeluaran barang yang halal merupakan peraturan Islam	4.79	0.458	Sangat Tinggi
22.	Saya mengetahui aspek halalan tayyiban	4.68	0.623	Sangat Tinggi
	Skor Purata	4.78	0.352	Sangat Tinggi

Jadual di atas menunjukkan skor min pada tiap-tiap item tentang tahap kefahaman pengguna berkaitan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco. Berdasarkan jadual di atas min tertinggi adalah pada item yang ke-20 iaitu “Saya mengetahui halal merupakan perkara penting dalam syariat Islam” dengan min sebanyak 4.92 dan sisihan piawai 0.299. Bagi min terendah pula adalah pada item yang ke-19 iaitu “Saya mengetahui masih ramai yang tidak mengendahkan tentang ramuan yang digunakan dalam makanan ringan” dengan min hanya 4.599 dan sisihan piawai 0.662. Dari dapatan yang diperoleh, tahap kefahaman pengguna berkaitan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco berada pada tahap interpretasi yang tinggi iaitu dengan jumlah skor min sebanyak 4.78 dan sisihan piawai 0.352. Hal ini bermakna, pengguna Kedai Serbaneka Eco di Bestari Jaya mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan pensijilan halal produk makanan ringan.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Hasil dapatan kajian mengikut kepada objektif yang pertama iaitu pensijilan halal produk makanan ringan adalah melalui pendekatan kualitatif menunjukkan bahawa Kedai Serbaneka Eco bukan sahaja terdapat makanan ringan yang berlogo halal JAKIM malah terdapat juga logo halal luar negara seperti Indonesia, Thailand dan China.

Manakala hasil dapatan kajian keseluruhan bagi pendekatan kuantitatif pula, menunjukkan perolehan skor min terhadap objektif kedua dan ketiga berada di tahap yang tinggi. Ini dibuktikan dengan perolehan skor min keseluruhan bagi objektif kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan (4.63 dengan sisihan piawai 0.283), tahap kefahaman pengguna terhadap pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco (4.78 dengan sisihan piawai 0.352). Manakala, komposisi makanan (4.69 dengan sisihan piawai 0.425).

### ***Pensijilan Halal***

Dapatan kajian bagi objektif yang pertama iaitu pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco bahawa kajian menunjukkan majoriti produk makanan ringan yang dijual di Kedai Serbaneka Eco bukan sahaja dari produk yang berlogo halal JAKIM sahaja akan tetapi terdapat logo halal luar negara juga seperti Indonesia, Thailand dan China. Hasil dapatan kajian ini diselaraskan dengan kajian (Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud, 2012) Kajian tersebut menghuraikan bahawa pensijilan halal yang diperoleh membolehkan penggunaan logo halal dipaparkan di atas produk makanan atau premis pemohon. Kajian ini juga menjelaskan bahawa pensijilan halal merupakan suatu nilai komersial dalam perdangan (marketing tools).

### ***Kepentingan Pensijilan Halal***

Dapatan bagi kepentingan pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco menunjukkan bahawa majoriti pengguna Kedai Serbaneka Eco di Bestari Jaya mengetahui tentang kepentingan pensijilan halal terhadap produk makanan ringan dengan pembuktian melalui skor min sebanyak 4.63 dan sisihan piawai 0.283. Organisasi yang mempunyai sijil halal mendapat manfaat daripadanya kerana mereka dapat menarik perhatian pelanggan dengan lebih mudah (Nor & Muhammad Zuki, 2020).

### ***Komposisi Makanan***

Pengguna Kedai Serbaneka Eco di Bestari Jaya bersetuju bahawa bahan atau kandungan yang terdapat pada label makanan mempunyai kesan ke atas komposisi makanan. Sebarang bahan asing yang digunakan dalam produk makanan akan menimbulkan keraguan mengenai status halal produk itu. Ini berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nornazlina Mohd Nor & Zulkurnain Hassan (2022), telah mengatakan bahawa pengkaji bersetuju bahawa bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk akan menunjukkan keselamatan dan kualiti. Penggunaan perkataan yang ringkas dan pilihan pembeli akan dipengaruhi oleh pemahaman, dan penggunaan istilah yang rumit pada penglabelan makanan akan mengelirukan pengguna.

### ***Tahap Kefahaman Pengguna***

Hasil kajian berkaitan tahap kefahaman pengguna terhadap pensijilan halal produk makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco juga menunjukkan interpretasi yang tinggi, merumuskan bahawa pengguna Kedai Serbaneka Eco di Bestari Jaya faham dan mengambil tahu tentang

pensijilan halal. Melalui kajian yang telah dibuat oleh Nornazlina Mohd Nor & Zulkurnain Hassan (2022), hasilnya menunjukkan bahawa pengguna menilai pensijilan logo halal sebagai faktor penting sebelum membeli produk makanan.

## KESIMPULAN

Dari hasil kajian dapat dilihat bahawa bukan hanya terdapat makanan ringan yang berlogo halal dari negara Malaysia sahaja (JAKIM), akan tetapi terdapat juga logo halal luar negara seperti negara Indonesia, China dan Thailand. Selain daripada itu, majoriti pengguna Kedai Serbaneka Eco di Bestari Jaya memahami dengan baik berkaitan kepentingan pensijilan halal makanan ringan di Kedai Serbaneka Eco. Oleh itu, komposisi makanan juga antara komponen yang penting dalam pensijilan halal makanan ringan dalam memastikan bahan yang digunakan serta ramuan mengikut perspektif Islam. Tambahan pula, tahap kefahaman pengguna Kedai Serbaneka Eco bagi penduduk Bestari Jaya adalah pada tahap yang tinggi, sekaligus merumuskan bahawa mereka masih mengendahkan tentang pensijilan halal makanan ringan.

## RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, & Rosfazila Abd. Rahman, (2020) [Kecaknaan pengguna Muslim terhadap logo halal](#). Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies, 42 ((SI)). pp. 43-49. ISSN 0216-5636.
- Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd. Rahman. (2019). Kesedaran mempamer logo halal di premis menjual makanan: Satu kajian tinjauan. In *eProsiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019* (pp. 52-62). [https://conference.uis.edu.my/pasak4/images/kk/sosio/043-KK\\_Abdul\\_Razif\\_Zaini\\_KUIS.pdf](https://conference.uis.edu.my/pasak4/images/kk/sosio/043-KK_Abdul_Razif_Zaini_KUIS.pdf).
- Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmod. (2012). Isu dan cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia: The issues and challenges of Halal Certification Bodies in Malaysia. *Jurnal Syariah*, 20(3), 271–288. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22616>.
- Karoui, S., & Khemakhem, R. (2019). Factors affecting the Islamic purchasing behavior – a qualitative study. *Journal of Islamic Marketing*, 10(4), 1104–1127. <https://doi.org/10.1108/JIMA-12-2017-0145>.
- Mohd Ali Mohd Noor, & Hairunnizam Wahid. (2015). Daya saing industri peneraju hab makanan halal Malaysia. In *Prosiding PERKEM 10*, (2015) (pp. 130 – 141). Halal Knowledge Centre. <https://library.hdcglobal.com/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=219>.
- [Mohd Jamilul Anbia Md Denin](#) (2020, September 9) \_Waspada... elak terbeli biskut mengandungi sumber babi. Harian Metro <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/09/618846/waspada-elak-terbeli-biskut-mengandungi-sumber-babi>
- Mohd Zuhairil Ikmal Saidi. (2019). *Pendekatan Kuantitatif dalam Penggunaan R*. Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammad Hafiz, Muhammad Naimuddin, Ahmad Irdha Mokhtar, & Khazri Osman. (2023, July 21). Kefahaman pelajar Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia tentang Manhaj ahli Sunnah Wal Jamaah. In *Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023*. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/372498691 KEFAHAMAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN ISLAM DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TENTANG MANHAJ AHLI SUNNAH WAL JAMAAH>.
- Muhammad, M.A., Elistina Abu Bakar & Sa'odah Ahmad. (2019). The challenges faced by halal certification authorities in managing the halal certification process in Malaysia. *Food Research*, 4(1), 170 - 178. DOI:[10.26656/fr.2017.4\(S1\).S17](https://doi.org/10.26656/fr.2017.4(S1).S17).

- Najihah Hanisah Marmaya, Zainul Amiruddin Zakaria, & Mohd Nasir Mohd Desa. (2019). Gen Y consumers' intention to purchase halal food in Malaysia: a PLS-SEM approach. *Journal of Islamic Marketing*, 10(3), 1003–1014. <https://doi.org/10.1108/JIMA-08-2018-0136>.
- Nik Amirulmumin Nik Min. (2023, September 7). *Kedai serbaneka jual makanan import guna sijil halal tidak sah.* Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/277706/berita/semasa/kedai-serbaneka-jual-makanan-import-guna-sijil-halal-tidak-sah>
- Nornazlina Mohd Nor & Zulkurnain Hassan. (2022). Kesedaran pelajar terhadap pensijilan halal, kesedaran halal, komposisi makanan dan minat membeli produk halal dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(2), 67–76. DOI: <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v7i2.7763>.
- Patton, M. Q. (2020). *Blue Marble Evaluation: Premises and Principles*. New York, NY: Guilford Press.
- Suraidah Roslan. (2021, November 24). DNA babi dalam kuih bulan berlogo halal. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/11/dna-babi-dalam-kuih-bulan-berlogo-halal/>